



KONTINJEN Kor SISPA UTHM meraikan kemenangan selepas menujuari Perhimpunan Kor SISPA IPT Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 di Universiti Malaysia Terengganu baru-baru ini.

# UTHM juara Kor ISPA

Meraih anugerah juara keseluruhan semasa menyertai Perhimpunan Kor SISPA IPT Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my

**K**ONTINJEN Kor SISPA Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah meraih anugerah Juara Keseluruhan semasa menyertai Perhimpunan Kor SISPA IPT Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) baru-baru ini.

Kor Sispa UTHM mendapat tempat pertama dalam kategori pertandingan kawad kaki, melawan kebakaran dan juga kayak.

Pasukan ini juga mendapat tempat kedua dalam kategori aktiviti menyelamat tempat tinggi selain mendapat tempat ketiga dalam kategori kemahiran membaca peta dan tempat keempat dalam kategori kemahiran

menyelamat di air sehingga membolehkan kontinjen ini memegang gelaran juara keseluruhan.

Seramai 80 orang pegawai kadet termasuk lapan orang pegawai bersekutu, penyelaras dan jurulatih Kor SISPA UTHM telah menyertai Perhimpunan tersebut.

Perhimpunan peringkat kebangsaan ini diadakan bertujuan untuk menguji dan mengukur tahap kemahiran yang diperolehi mahasiswa sepanjang mengikuti latihan Kor SISPA di institut pengajian tinggi (IPT) masing-masing.

Kor SISPA UTHM telah menyertai kesemua pertandingan yang diadakan iaitu kawad kaki, menyelamat tempat tinggi, melawan kebakaran, perawatan awal, menyelamat di air, membaca peta dan juga kayak.

Leftenan Kolonel Bersekutu, Profesor

Madya Dr. Ishak Baba selaku Timbalan Komandan Kor SISPA UTHM dilantik sebagai Ketua Kontinjen manakala Kapten Bersekutu, Ahmad Khirul Nizam Ali, Pegawai Latihan dan Operasi Kor SISPA UTHM sebagai Timbalan Ketua Kontinjen untuk perhimpunan pada kali ini.

Dengan usaha gigih dan semangat juang yang tinggi, pada tahun ini Kor SISPA UTHM telah berjaya menjadi Juara keseluruhan mengatasi 19 buah IPT yang lain.

Satu pencapaian yang membanggakan kerana pada perhimpunan kali pertama di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dahulu, Kor SISPA UTHM hanya mendapat tempat ke-empat manakala pada tahun 2011 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kontingen ini mendapat tempat kedua di dalam perhimpunan

yang sama.

Menurut Komandan Kor SISPA UTHM, Profesor Dr. Jailani Md. Yunos, kesemua ahli kontinjen amat komited dalam membuat persiapan rapi untuk menyertai perhimpunan tersebut.

Katanya, latihan telah mula dijalankan seawal bulan Jun lagi dengan satu latihan pusat bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan UniKL-MITEC yang diadakan di Pusat Latihan Pertahanan Awam Wilayah Selatan (PULAPAS) di Kluang, Johor.

"Diharapkan pada masa yang akan datang Kor SISPA UTHM akan dapat mengekalkan prestasi yang ada, terus maju dalam melahirkan mahasiswa yang mempunyai kemahiran insania yang tinggi dan seterusnya menaikkan nama UTHM sebagai universiti yang terhebat di Malaysia," katanya.

Utusan Malaysia

6/8/2012